

'Undang Kelapan tidak palsukan isi Terombo'

1/3/88

SEREMBAN, Isnin — Undang Kelapan, Datuk Kelana Putra Makmur Datuk Menteri Kasim (1889-1945) bersama sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu tidak pernah membuat sebarang pakatan untuk memalsukan isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong.

Sekumpulan anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu hari ini menyifatkan dakwaan anak-anak Waris Rumpun Tinggang bahawa Terombo Asal Luak itu dipalsukan semasa pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur sebagai 'satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali'.

"Tujuan anak-anak Waris daripada Rumpun berkenaan adalah

semata-mata untuk membolehkan mereka mendapatkan hak sebagai Waris Negeri," kata jurucakapnya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Menurutnya, penyandang pesaka Datuk Kelana Putra tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengubah atau mengalih-angak aturan adat yang telah ditetapkan oleh orang tua-tua dahulu.

Jurucakap itu berkata, mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong, seseorang penyandang pesaka Datuk Kelana Putra hendaklah terlebih dahulu berbincang dengan penyandang pesaka Datuk Shahbandar jika beliau (Undang) bercadang membuat sebarang pindaan terhadap aturan adat.

Ini, katanya, adalah selaras

dengan perjanjian antara anak-anak Waris Luak Sungai Ujong daripada Cerak di Darat dan di Air yang ditandatangani pada 1841 dan 1874.

"Isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong yang disimpan oleh penyandang pesaka Datuk Kelana Putra dan Datuk Shahbandar adalah sama. Oleh itu, dakwaan yang menyatakan bahawa Datuk Kelana Putra Makmur kononnya berpakat dengan sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu untuk memalsukan Terombo Asal Luak ini adalah tidak berasas sama sekali," ujarnya.

Jurucakap itu berkata sewaktu pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur, bilangan ibu soko Waris Perut Ulu tidak melebihi 10 orang manakala bilangan anak Warisnya pula hanya ada dua orang sahaja yang bernama Yazid dan adik lelakinya, Abdul Aziz.

Menurutnya, dua adik-beradik itu pernah menyandang pesaka Tua Waris Perut Ulu yang bergelar Datuk Johan pada usia kanak-kanak lagi dan Datuk Johan Yazid meninggal dunia ketika berumur 22 tahun.

Anak-anak Waris Rumpun Tinggang sebelum ini mendakwa Terombo Asal Luak Sungai Ujong telah dipalsukan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu semasa pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur.

Mereka mendakwa pemalsuan Terombo Asal Luak itu telah menjadikan mereka serta anak-anak Waris Rumpun Dusun dan Nyonyoi sebagai 'Waris Lingkungan' serta hilang kelayakan untuk menyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.